

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

S1: Apa itu PCB?

J1: PCB adalah satu mekanisme potongan cukai pendapatan daripada saraan bulanan semasa pekerja mengikut Jadual Potongan Cukai Bulanan atau kaedah-kaedah lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah (selepas ini dirujuk sebagai “Kaedah Pengiraan Berkomputer”) menurut yang diperuntukkan di bawah Kaedah 3, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994 (Kaedah PCB). Potongan ini bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja membayar cukai sekaligus apabila cukai dikira.

Kaedah PCB diperuntukkan di bawah subseksyen 107(2) Akta Cukai Pendapatan 1967(Akta).

S2: Apakah jenis pendapatan yang layak dikenakan PCB?

J2: Pendapatan berkenaan dengan perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan selain manfaat berupa barangan di bawah perenggan 13(1)(b) dan 13(1)(c) Akta dengan syarat bahawa dalam kes sesuatu pemilihan yang tidak boleh dibatalkan dibuat oleh pekerja di bawah kaedah 2A, perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan hendaklah termasuk manfaat berupa barangan di bawah perenggan 13(1)(b) dan 13(1)(c) Akta.

Contoh gaji, upah, komisen, kerja lebih masa, elaun, yuran pengarah, tip, bonus/insentif, perkuisit, ganjaran, pampasan kerana kehilangan pekerjaan dan lain-lain.

BAHAGIAN 2 : PELAKSANAAN PCB

Pindaan PCB

S3: Apakah tujuan pindaan Jadual PCB 2004?

J3: Tujuan pindaan Jadual PCB 2004 adalah:

i. Bajet 2009

Selaras dengan pengumuman Bajet 2009 iaitu—

a. penurunan kadar cukai dari 13% kepada 12% dan 28% kepada 27%.

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

- b. peningkatan amaun rebat individu daripada RM350 kepada RM400 setahun.
- ii. Penambahbaikan ke atas PCB sedia ada–
 - a. Memperkenalkan kaedah pengiraan berkomputer di mana majikan yang menggunakan kaedah pembayaran gaji berkomputer (*payroll system*) diwajibkan mendapat spesifikasi serta kelulusan LHDNM.
 - b. Formula kaedah pengiraan berkomputer adalah sama seperti pengiraan cukai setahun di mana semua potongan/pelepasan dan rebat yang dibenarkan di bawah Akta diambil kira.
 - c. Potongan/pelepasan dan rebat pilihan ini boleh dituntut oleh pekerja dengan mengisi Borang Tuntutan Potongan Dan Rebat Individu (Borang PCB/TP1) dalam mana-mana bulan yang dipersetujui oleh majikan.
 - d. Membenarkan pekerja membuat pilihan untuk menambah Manfaat Berupa Barangan (MBB/*B/K*) dan Nilai Tempat Kediaman (NTK/*VOLA*) sebagai sebahagian daripada saraan dengan menghantar Borang Tuntutan Manfaat Berupa Barangan Dan Nilai Tempat Kediaman Yang Disediakan Oleh Majikan (Nilai Tertentu Kediaman) Bagi Tujuan Potongan Cukai Bulanan (PCB) (Borang PCB/TP2) dalam mana-mana bulan yang dipersetujui oleh majikan bagi memastikan bayaran PCB adalah sama atau hampir sama dengan cukai sebenar.
 - e. Membenarkan majikan membuat pelarasan ke atas elaun/pemberian/perkuisit/manfaat yang dikecualikan cukai seperti dalam Bajet 2009.
 - f. Majikan yang tidak menggunakan kaedah pengiraan berkomputer iaitu pembayaran gaji secara manual boleh menggunakan Jadual PCB. Namun Jadual PCB 2009, mengambil kira 100% amaun pengiraan PCB ke atas semua saraan bersih (selepas tolakan KWSP) berbanding Jadual PCB sebelum ini, di mana hanya mengambil kira 80% amaun pengiraan PCB ke atas saraan bersih kurang daripada RM10,000.
 - g. Untuk pengiraan PCB dalam jadual, potongan/pelepasan dan rebat pilihan tidak boleh diambil kira.
 - h. Menurunkan amaun minimum PCB kepada RM10 untuk memastikan pembayar cukai yang layak dikenakan cukai tertakluk kepada PCB.

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

- i. Memperkenalkan kaedah pengiraan PCB saraan tambahan baru yang lebih tepat di mana cukai yang dikira merupakan cukai sebenar ke atas saraan tambahan yang diterima pada bulan tersebut.

S4: Apakah perbezaan PCB 2009 dan PCB 2010?

J4: Perbezaan adalah seperti berikut:

- a. Jadual Potongan Cukai Bulanan
 - i. saraan minimum daripada RM2,401 ke RM2,451.
 - ii. kadar cukai maksimum daripada 27% kepada 26%.
 - iii. peningkatan potongan individu daripada RM8,000 ke RM9,000.
- b. Kaedah Pengiraan Berkomputer
 - i. kadar cukai maksimum daripada 27% kepada 26%.
 - ii. peningkatan potongan individu daripada RM8,000 ke RM9,000.
 - iii. tambahan potongan iaitu-
 - premium anuiti tertanggung.
 - yuran langganan internet jalur lebar.
 - faedah pinjaman perumahan.

S5: Mengapakah amaun PCB dalam Jadual PCB 2009 lebih tinggi berbanding Jadual PCB 2004?

J5: Amaun PCB dalam Jadual PCB 2009 lebih tinggi berbanding Jadual PCB 2004 kerana—

- i. penghapusan pengurangan 20% ke atas PCB bagi saraan bersih kurang daripada RM10,000.
- ii. asas pengiraan dipinda daripada julat minima kepada julat pertengahan saraan bersih bulanan.

Contoh:

Kategori: Bujang (K1)

Saraan bersih sebanyak RM7,150

	Asas saraan ditentukan
--	------------------------

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

	PCB 2004 (RM)	PCB 2009 (RM)
Julat saraan 7,101 -7,150	7,101 (minimum)	7,125 (pertengahan)
Amaun PCB	600.00	744.00

S6: Apakah rasionalnya amaun saraan bulanan minimum diturunkan dari RM2,551 ke RM2,401 (2009) dan RM2,451 (2010)?

J6: Rasional amaun saraan bulanan diturunkan dari RM2,551 ke RM2,401 (2009) dan RM2,451 (2010) bagi kes bujang dan berkahwin pasangan bekerja adalah kerana amaun tersebut merupakan amaun minimum pendapatan yang layak dikenakan cukai dan kenaikan potongan individu daripada RM8,000 kepada RM9,000 pada tahun 2010.

S7: Apakah yang dimaksudkan dengan saraan di bawah PCB?

J7: Saraan di bawah PCB terbahagi kepada saraan biasa dan saraan tambahan.

Saraan biasa ertinya saraan bulanan yang dibayar secara tetap kepada pekerja sama ada amaun tetap ataupun berubah-ubah sebagaimana yang dinyatakan di dalam kontrak perkhidmatan secara bertulis ataupun tidak.

Saraan tambahan ertinya apa-apa bayaran yang dibuat kepada pekerja sama ada secara sekaligus atau berkala atau tertunggak atau bayaran yang tidak tetap atau apa-apa bayaran yang merupakan tambahan kepada saraan biasa bulan semasa.

Kaedah Pelaksanaan PCB Mulai Tahun 2009

S8: Apakah kaedah yang boleh digunakan oleh majikan dalam menentukan jumlah PCB yang perlu dipotong?

J8: Mulai tahun 2009, penentuan amaun PCB boleh ditentukan melalui dua kaedah iaitu–

i. Jadual Potongan Cukai Bulanan

Jadual Potongan Cukai Bulanan dikeluarkan bagi majikan yang tidak menggunakan perisian pembayaran gaji berkomputer. Jadual berkenaan boleh diperolehi di laman web LHDNM www.hasil.gov.my.

ii. Kaedah pengiraan berkomputer

Majikan yang menggunakan sistem penggajian berkomputer atau sistem yang dibangunkan oleh LHDNM seperti Kalkulator PCB dan e-PCB.

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

S9: Apakah jenis kaedah pengiraan berkomputer yang boleh digunakan oleh majikan ?

J9: Jenis kaedah pengiraan berkomputer adalah:

i. e-PCB

ii. Kalkulator PCB

iii. Sistem pembayaran gaji berkomputer yang disediakan oleh pembekal perisian atau dibangun/diubahsuai oleh majikan hendaklah mengikut spesifikasi yang ditentukan dan disemak oleh LHDNM. Spesifikasi formula boleh didapati daripada laman web LHDNM.

S10 : Apakah kesannya jika majikan hanya menggunakan Jadual Potongan Cukai Bulanan untuk pengiraan PCB pekerja pada setiap bulan?

J10 : Sekiranya majikan menggunakan Jadual Potongan Cukai Bulanan, pekerja tidak boleh membuat tuntutan potongan dan rebat tambahan. Matlamat untuk memastikan supaya cukai kena bayar adalah sama atau hampir sama dengan PCB tidak akan tercapai.

S11: Bagaimana majikan yang menggunakan kaedah Jadual Potongan Cukai Bulanan hendak membuat potongan dan rebat pilihan seperti yang dituntut oleh pekerja?

J11: Majikan yang ingin membuat pelarasan amaun PCB pekerja boleh menggunakan Kalkulator PCB atau e-PCB dan tidak boleh merujuk semula kepada Jadual Potongan Cukai Bulanan. Rasional adalah untuk memastikan pengiraan PCB adalah konsisten.

Majikan yang menggunakan Kalkulator PCB dikehendaki untuk mencetak dan menyimpan pengiraan PCB pada bulan tersebut bagi tujuan semakan ketika aktiviti audit dijalankan.

S12: Adakah tindakan akan dikenakan ke atas majikan sekiranya mereka tidak mahu menggunakan kaedah pengiraan berkomputer dan hanya menggunakan Jadual PCB?

J12: Majikan yang menggunakan sistem penggajian berkomputer wajib menggunakan kaedah pengiraan berkomputer.

Majikan yang tidak menggunakan perisian pembayaran gaji berkomputer diberi pilihan untuk gunakan Jadual Potongan Cukai Bulanan atau kaedah pengiraan berkomputer.

Tindakan ke atas majikan akan dikenakan sekiranya majikan terkurang potong/remit kepada LHDNM.

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

S13: Majikan menggunakan sistem pembayaran gaji berkomputer dan telah menetapkan polisi untuk tidak membenarkan pekerja menuntut potongan dan rebat pilihan.

Berdasarkan kepada senario di atas, adakah majikan dibenarkan untuk menggunakan Jadual Potongan Cukai Bulanan dalam sistem penggajian berkomputer dan bukannya formula PCB yang ditetapkan?

J13: Sekiranya polisi majikan untuk tidak membenarkan pekerja menuntut potongan dan rebat pilihan, majikan yang menggunakan sistem pembayaran gaji berkomputer hendaklah membangunkan formula kaedah pengiraan berkomputer PCB dan tidak dibenarkan untuk memasukkan (plug in) Jadual Potongan Cukai Bulanan ke dalam sistem penggajian.

Penentuan amaun PCB berdasarkan jadual semata-mata hanya boleh dibuat oleh majikan yang tidak mempunyai sistem pembayaran gaji berkomputer.

S14: Sekiranya pekerja ingin membuat tuntutan potongan dan rebat tambahan bagi tujuan pengiraan PCB tetapi majikan tidak bersetuju untuk membuat potongan tersebut, adakah tindakan boleh diambil ke atas majikan?

J14: Pindaan PCB 2009 memberi pilihan kepada majikan samada untuk membenarkan pekerja membuat potongan dan rebat tambahan ataupun tidak. Oleh itu, tindakan tidak boleh diambil ke atas majikan sekiranya majikan tidak mahu berbuat demikian.

S15: Majikan membuat pengiraan menggunakan kalkulator PCB tetapi amaun PCB tidak dibayar ke LHDNM. Bagi tujuan pengiraan PCB bulan berikutnya, adakah amaun PCB yang tidak dibayar itu perlu dimasukkan ke dalam pengiraan cukai?

J15: Amaun PCB yang tidak dibayar ke LHDNM tidak boleh dimasukkan ke dalam pengiraan PCB bulan berikutnya. Ini kerana definisi 'X' dalam formula PCB ialah PCB terkumpul yang telah dibayar untuk bulan terdahulu.

S16: Majikan telah menggunakan kaedah jadual bagi pengiraan PCB bulan Januari dan Februari 2009 kerana kaedah pengiraan berkomputer masih lagi di peringkat pembangunan. Ini telah menyebabkan amaun PCB yang dipotong pada bulan tersebut kurang tepat. Adakah majikan perlu memaklukkannya kepada LHDNM tentang perkara ini?

J16: a) Majikan menggunakan Jadual Potongan Cukai Bulanan 2009/2010. Majikan tidak perlu memaklumkan kepada LHDNM kerana apabila sistem telah siap dibangunkan, formula PCB akan mengambil kira amaun PCB

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

yang telah dibayar untuk bulan yang terdahulu. Sistem akan membuat pelarasan secara automatik untuk pengiraan PCB bulan berikutnya. Walau bagaimanapun, majikan hendaklah memasukkan semua maklumat berkenaan saraan dan potongan terkumpul bagi bulan terdahulu bagi mendapatkan pengiraan PCB yang tepat.

- b) Majikan menggunakan Jadual Potongan Cukai Bulanan 2004. Majikan hendaklah mengemukakan permohonan lanjutan masa pelaksanaan kaedah pengiraan berkomputer kepada Pengarah Jabatan Pungutan Hasil.

S17: Adakah pendapatan pekerja asing yang bekerja dalam bidang bukan professional di Malaysia tertakluk kepada PCB?

J17: Ya, pendapatan pekerja asing yang menjalankan penggajian dalam bidang bukan profesional di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia. Oleh itu, pendapatan berkenaan layak dikenakan PCB. Penentuan PCB adalah bergantung kepada taraf mastautin pekerja berkenaan.

S18: Apakah kesan ke atas PCB jika saraan tambahan, contohnya kerja lebih masa diambilkira sebagai saraan bulanan biasa dan bukannya sebagai saraan tambahan dalam formula pengiraan PCB?

J18: Kesannya ialah amaun PCB bulanan yang dikira adalah tidak tepat dan lebih tinggi daripada sepatutnya. Ini adalah kerana ia menyebabkan nilai saraan bulan semasa akan menjadi lebih tinggi.

S19 : Apakah kesan jika pekerja tidak mengemukakan Borang PCB/TP3(1/2010) dan mula bekerja selain bulan Januari dalam tahun semasa?

J19: Kesannya ialah amaun PCB yang dikira adalah tidak tepat dan lebih rendah daripada sepatutnya. Pekerja perlu membayar baki cukai sebenar semasa mengemukakan borang cukai pendapatan. Jika pekerja masih gagal menjelaskan baki cukai tersebut, arahan CP38 secara automatik akan dikeluarkan kepada pekerja.

S20: Bolehkah majikan menggunakan Jadual Potongan Cukai Bulanan, sekiranya pekerja baru memulakan pengajiannya selain dari bulan Januari?

J20: Boleh, hanya bagi majikan yang tidak menggunakan sistem pembayaran gaji berkomputer.

Potongan dan Rebat

S21: Apakah jenis-jenis potongan dan rebat yang boleh diambil kira di dalam menentukan pengiraan PCB?

J21: Jenis-jenis potongan dan rebat yang boleh diambil kira di dalam pengiraan PCB bergantung kepada kaedah yang digunakan oleh majikan iaitu:

i. Jadual PCB 2010

Potongan dan rebat yang boleh dituntut dalam pengiraan PCB ialah individu, pasangan, anak, KWSP dan zakat melalui potongan gaji.

ii. Kaedah Sistem Pengiraan Berkomputer

Semua potongan dan rebat yang dibenarkan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967. Sila rujuk perkara 4.4 dalam Nota Penerangan.

S22: Bagaimana cara jika pekerja ingin menuntut potongan/rebat bagi melaras PCB mereka?

J22: Pekerja yang ingin menuntut potongan dan rebat perlu mengisi dan menandatangani dua Borang Tuntutan Potongan Individu (Borang PCB/TP1(1/2010)). Satu borang berkenaan perlu dikemukakan dan disimpan oleh majikan sekiranya majikan bersetuju membenarkan tuntutan potongan tersebut. Manakala satu borang lagi disimpan oleh pekerja.

S23: Adakah pekerja perlu menyertakan resit/dokumen sokongan perbelanjaan semasa mengemukakan Borang PCB/TP1(1/2010) kepada majikan sebagai bukti tuntutan?

J23: Pekerja tidak perlu menyertakan resit/dokumen sokongan semasa mengemukakan Borang PCB/TP1(1/2010) yang telah lengkap diisi kepada majikan. Walau bagaimanapun, pekerja bertanggungjawab untuk menyimpan resit yang berkenaan selama tujuh tahun bagi tujuan audit.

S24: Adakah pekerja perlu kemukakan Borang PCB/TP3(1/2010) bagi memaklumkan maklumat berkaitan penggajian dengan majikan-majikan terdahulu dalam tahun semasa bagi tujuan PCB kepada majikan baru?

J24: Ya. Kegagalan berbuat demikian, pekerja boleh disabitkan dengan kesalahan dibawah subsekyen 113(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967.

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

S25: Adakah pekerja boleh menuntut potongan dan rebat pilihan pada bulan selain daripada bulan perbelanjaan dilakukan?

J25: Ya, pekerja masih boleh menuntut potongan dan rebat pilihan tersebut dalam mana-mana bulan dalam tahun semasa tertakluk kepada persetujuan majikan.

S26: Adakah PCB bulan berikutnya meningkat sekiranya potongan/rebat dibenarkan pelarasan secara sekaligus pada bulan semasa?

J26: Tidak. Formula PCB menyelaraskan PCB secara purata berdasarkan baki bulan termasuk bulan semasa dalam tahun semasa.

S27: Adakah penalti akan dikenakan kepada pekerja yang membuat tuntutan potongan palsu?

J27: Ya, pekerja yang membuat tuntutan potongan palsu boleh dikenakan penalti di bawah subsekyen 113(1)(b), Akta Cukai Pendapatan 1967. Majikan tidak bertanggungjawab atas tuntutan palsu pekerja tersebut.

S28: Bagaimana cara majikan yang menggunakan Jadual Potongan Cukai Bulanan hendak mengambilkira tuntutan potongan tambahan bagi pekerja kurang upaya?

J28: Majikan yang hendak mengambil kira tuntutan potongan tambahan bagi pekerja kurang upaya perlu menggunakan Kalkulator PCB.

S29: Adakah pekerja kurang upaya perlu mengisi borang PCB TP1/(1/2010) setiap bulan bagi tujuan tuntutan potongan tambahan individu kurang upaya?

J29: Tidak. Pekerja kurang upaya hanya perlu mengisi borang tersebut sekali sahaja iaitu pada kali pertama beliau membuat tuntutan.

S30: Apakah kebbaikannya jika pekerja menuntut potongan dan rebat untuk menentukan PCB?

J30: Sekiranya potongan dan rebat dituntut bagi tujuan pengiraan PCB, jumlah PCB akan sama/hampir dengan cukai sebenar.

S30: Adakah majikan perlu membuat pelarasan tuntutan potongan pilihan dan zakat selain melalui potongan gaji oleh pekerja pada setiap bulan mengikut borang PCB TP1/(1/2010)?

J31: Majikan diberi pilihan untuk menetapkan polisi yang bersesuaian dan membuat potongan pilihan dan zakat selain melalui potongan gaji.

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

S32: Apakah yang perlu dilakukan oleh pekerja sekiranya majikan tidak bersetuju untuk melaraskan PCB dengan zakat yang telah dibayar selain melalui potongan gaji?

J32: Pekerja boleh mengemukakan permohonan kepada cawangan yang berdekatan. Permohonan akan dipertimbangkan jika pekerja:

- tidak mempunyai cukai tertunggak.
- telah mengemukakan borang cukai pendapatan setiap tahun.

Jika kedua-dua syarat telah dipenuhi, pekerja perlu membawa maklumat berikut:

- slip gaji Januari hingga terkini.
- resit asal tuntutan.
- maklumat majikan – nama, alamat dan nombor rujukan majikan.

Manfaat Berupa Barangan (MBB) dan Nilai Tempat Kediaman (NTK)

S33: Adakah MBB dan NTK tertakluk kepada PCB dan apakah kesannya ke atas pekerja sekiranya MBB dan NTK tidak dimasukkan dalam pengiraan PCB?

J33: MBB dan NTK tidak tertakluk kepada PCB. Sekiranya pekerja membuat pemilihan yang tidak boleh dibatalkan dengan mengisi borang PCB/TP2 (1/2010), MBB dan NTK berkenaan layak dikenakan PCB tertakluk kepada persetujuan majikan.

Jika MBB dan NTK tidak dimasukkan dalam pengiraan PCB, pekerja perlu membayar baki cukai (cukai atas MBB dan NTK) selepas cukai sebenar dikira.

S34: Apakah kebbaikannya jika pekerja memilih MBB dan NTK diambil kira sebagai sebahagian saraan tertakluk kepada PCB?

J34: Sekiranya pekerja memilih MBB dan NTK untuk diambil kira sebagai sebahagian saraan yang tertakluk kepada PCB, jumlah PCB akan sama atau hampir sama dengan cukai sebenar.

S35: Bagaimana pekerja boleh mengambil kira nilai MBB dan NTK sebagai sebahagian daripada saraan bulanan bagi pengiraan PCB mereka?

J35: Pekerja yang ingin mengambil kira nilai MBB dan NTK sebagai sebahagian daripada saraan bulanan perlu mengisi Borang PCB/TP2 (1/2010) dan mengemukakannya kepada majikan bagi tujuan pelarasan PCB tertakluk persetujuan majikan.

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

S36: Adakah MBB dan NTK dikategori sebagai saraan biasa atau saraan tambahan?

J36: MBB dan NTK dikenakan dianggap sebagai saraan biasa bulan semasa.

S37: Pekerja membuat pilihan untuk mengambilkira MBB sebagai sebahagian daripada saraan yang tertakluk kepada PCB dan membuat permohonan pada bulan Ogos dan majikan bersetuju.

Bagaimanakah pengiraan amaun bulanan ke atas MBB dikenakan?

J37: Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

Tempoh bekerja	:	Januari hingga Disember 2010
Tempoh MBB diperuntukkan	:	Januari hingga Disember 2010
Manfaat kereta setahun	:	RM25,000.00
Pemilihan oleh pekerja	:	(TP2) Ogos 2010
Amaun bulanan	=	<u>Nilai MBB/NTK untuk setahun</u> Baki bulan dalam tahun semasa termasuk bulan semasa
	=	$\frac{\text{RM25,000.00}}{5}$
	=	RM5,000.00

Oleh itu, nilai MBB yang perlu diambilkira untuk pengiraan PCB mulai Ogos 2010 ialah RM5,000.00 sebulan.

BAHAGIAN 3: PENGIRAAN PCB

Yuran Pengarah dan Bonus

S38: Bagaimana menentukan kategori saraan yuran pengarah?

J38: Penentuan kategori saraan yuran pengarah, bergantung kepada situasi seperti berikut jika–

Amaun	Terima Bayaran	Kategori Saraan
Tetap	Setiap bulan	Biasa
Tetap	Bukan setiap bulan	Tambahan
Tidak tetap	Setiap bulan	Tambahan
Tidak tetap	Bukan setiap bulan	Tambahan

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

S39: Dalam mesyuarat tahunan, yuran pengarah telah diisytihar dan akan dibayar pada 1 Oktober 2010. Memandangkan selepas itu syarikat mengalami masalah kewangan, yuran pengarah tidak dapat dibayar pada tarikh yang telah ditetapkan.

Adakah PCB untuk yuran pengarah tersebut masih perlu dipotong pada tarikh ia diisytiharkan?

J39: Tidak. PCB perlu dibuat pada tarikh ia dibayar dan bukannya pada tarikh ia diisytihar.

S40: Adakah pendapatan yuran pengarah dan bonus tahun kebelakangan yang diterima dalam tahun 2010 dianggap sebagai pendapatan tahun semasa dan tertakluk kepada formula saraan tambahan PCB 2010?

J40: Ya, pendapatan yuran pengarah dan bonus tahun kebelakangan yang diterima dalam tahun 2010 dianggap sebagai pendapatan tahun semasa dan tertakluk kepada formula saraan tambahan PCB 2010.

S41: Adakah yuran pengarah atau bonus tahun 2008 yang diterima oleh pekerja dalam tahun 2009 perlu dinyatakan dalam borang EA 2008?

J41: Selaras dengan Bajet 2009, yuran pengarah atau bonus tahun 2008 yang diterima oleh pekerja dalam tahun 2009 dianggap sebagai pendapatan tahun 2009. Oleh itu, pendapatan berkenaan perlulah dilaporkan di bahagian B dalam borang EA 2009.

S42: Adakah menjadi kesalahan sekiranya majikan tersalah melaporkan bonus 2008 dibayar dalam tahun 2009 di dalam EA 2008?

J42: Ya, kerana majikan tidak mematuhi peruntukan di bawah seksyen 25(2A), Akta Cukai Pendapatan 1967. Walaubagaimana pun, LHDNM telah bersetuju memberi konsesi dalam tempoh peralihan 2009 dengan menerima layanan bayaran bonus dan yuran pengarah seperti yang dilaporkan dalam EA 2008 walaupun bonus tersebut dibayar dan diterima pada tahun 2009.

S43: Bagaimana pengiraan PCB bagi bonus sekiranya bonus itu dibayar lebih dari sekali dalam satu tahun?

J43: Majikan perlu menggunakan formula saraan tambahan bagi menentukan amaun PCB bagi setiap kali bayaran bonus dibuat.

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

Saraan selain yuran pengarah dan bonus

S44: Adakah PCB dikenakan sekiranya amaun elaun perjalanan dibayar tetap dan dimasukkan dalam slip gaji?

J44: Ya, elaun ini tertakluk kepada PCB jika melebihi amaun pengecualian yang ditetapkan mulai tahun 2008. Sila rujuk kepada Ketetapan umum No. 1/2006 – Perkuisit Daripada Penggajian.

S45: Bagaimana menentukan kategori elaun untuk pengiraan PCB?

J45: Penentuan kategori elaun, bergantung kepada situasi seperti berikut jika—

Amaun	Terima Bayaran	Kategori Saraan
Tetap	Setiap bulan	Biasa
Tetap	Bukan setiap bulan	Tambahan
Tidak tetap	Setiap bulan	Tambahan
Tidak tetap	Bukan setiap bulan	Tambahan

S46: Jika pekerja menerima elaun tetap tetapi berubah-ubah disebabkan oleh perbezaan kadar tukaran wang asing, adakah elaun tersebut dianggap sebagai saraan biasa atau saraan tambahan?

J46: Elaun tetap yang diterima adalah saraan biasa bulanan walaupun amaun elaun berkenaan berubah-ubah disebabkan perbezaan kadar tukaran matawang asing.

S47: Apakah formula yang perlu digunakan sekiranya pekerja menerima tunggakan bagi tahun 2009 dalam tahun 2010?

J47: Formula yang perlu digunakan adalah formula saraan tambahan 2009.

S48: Bagaimana pengiraan PCB jika tunggakan gaji tahun semasa dan komisen dibuat sekaligus?

J48: Majikan perlu menjumlahkan kedua-dua saraan dan menggunakan formula saraan tambahan untuk menentukan amaun PCB.

S49: Bagaimana PCB dikira bagi bayaran seperti kerja lebih masa, elaun dan komisen dibuat tetapi dibayar mengikut tempoh tertentu dalam tahun semasa?

J49: Majikan perlu menjumlahkan bayaran bagi tempoh tersebut dan menggunakan formula saraan tambahan untuk menentukan amaun PCB.

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

S50: Adakah elaun, perkuisit dan manfaat berupa barangan yang diumumkan dalam Bajet 2009 dikecualikan dalam pengiraan PCB?

J50: Ya. Elaun, perkuisit dan manfaat berupa barangan yang diumumkan dalam Bajet 2009 dikecualikan dalam pengiraan PCB terhad kepada amaun yang dikecualikan.

S51: Sebuah syarikat mengamalkan pemberian insentif seperti *Project Award*, *Performance Incentive Award* dan sebagainya yang mana kekerapan pemberian tersebut tidak menentu berdasarkan kepada tahap pencapaian pekerja. Bagaimanakah cara pengiraan PCB untuk kes di atas?

J51: Formula saraan tambahan hendaklah digunakan tanpa mengambilkira berapa kali pemberian insentif itu dibayar dalam satu tahun kerana pemberian ini merupakan satu tambahan pendapatan kepada saraan biasa.

S52: Bagi syarikat *Regional Office/Operational Headquarters* yang mana cukai pendapatan bagi pekerjaannya ditentukan berdasarkan bilangan hari mereka berada di Malaysia dan dikecualikan cukai bagi bilangan hari mereka berada di luar Malaysia.

Bagaimanakah cara pengiraan PCB yang sepatutnya?

J52: Majikan perlu mengira PCB berdasarkan pendapatan yang diterima mengikut bilangan hari berada di Malaysia. Sekiranya majikan lewat mengetahui jumlah hari pekerjaannya berada di Malaysia atau jumlah gaji pegawai dagangnya kerana dibayar oleh syarikat asal di luar negara terus ke akaun pekerja, majikan boleh memohon kepada cawangan untuk konsesi lewat meremitkan bayaran PCB.

Lain-lain

S53: Seseorang pekerja akan bersara wajib. Adakah PCB bagi pekerja berkenaan perlu dibuat?

J53: Ya. Selain daripada mematuhi PCB, majikan juga perlu mematuhi perkara-perkara berikut:

- a. Menahan semua wang saraan terakhir pekerja tersebut.
- b. Mengemukakan Borang CP 22A (sektor swasta) atau Borang CP 22B (sektor awam) - Pemberitahuan Pemberhentian Pekerja dengan segera ke cawangan LHDNM yang berkenaan.
- c. Membayar baki cukai yang kena dibayar berdasarkan Surat Penyelesaian Cukai yang dikeluarkan oleh LHDNM sebelum melepaskan wang saraan yang ditahan.

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

S54: Seseorang pekerja sering mendapat bayaran balik lebih PCB daripada LHDNM dan ingin memohon kepada majikan untuk memberhentikan potongan cukai. Adakah ini dibenarkan?

J54: Tidak dibenarkan untuk pemberhentian/pengurangan PCB. Pelarasan PCB bagi kes zakat selain potongan gaji boleh dirujuk kepada S33.

S55: Seseorang pekerja ingin memohon pengurangan potongan cukai yang lebih rendah daripada kadar yang telah ditetapkan mengikut jadual PCB. Adakah ini dibenarkan?

J55: Tidak. Setiap majikan perlu patuh untuk membuat pemotongan cukai berkenaan berdasarkan jadual atau formula yang ditetapkan oleh LHDNM.

S56: Bolehkah pekerja mengarahkan majikan supaya tidak membuat potongan PCB ke atas saraannya dengan alasan ingin membayar zakat pada hujung tahun?

J56: Tidak boleh kerana zakat belum dibayar.

S57: Bolehkah seseorang pekerja secara sukarela memohon PCB yang lebih tinggi daripada PCB yang sepatutnya dipotong?

J57: Boleh. Amaun PCB tambahan yang tidak dibayar ke LHDNM tidak boleh dimasukkan ke dalam pengiraan PCB bulan berikutnya. Ini kerana definisi 'X' dalam formula PCB ialah PCB terkumpul yang telah dibayar untuk bulan terdahulu.

S58: Jika seorang pembayar cukai telah mengemukakan borang nyata dan mendapati PCB beliau adalah kurang daripada jumlah cukai yang kena dibayar. Apa yang perlu beliau lakukan?

J58: Pembayar cukai hendaklah menjelaskan perbezaan cukai yang kena dibayar pada atau sebelum 30 April.

S59: Adakah pekerja di bawah penggajian jangka pendek tertakluk kepada cukai Malaysia dikenakan PCB?

J59: Ya, pekerja tersebut masih tertakluk kepada potongan PCB.

S60: Adakah bayaran ganti (reimbursement) dikenakan PCB?

J60: Sekiranya perbelanjaan pendahuluan yang dibuat oleh pekerja bagi pihak majikan, ianya bukanlah satu pendapatan ke atas pekerja dan dikecualikan daripada cukai serta tidak dikenakan PCB.

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

Pembayaran ganti (reimbursement) berhubung mana-mana perkuisit yang diterima oleh pekerja, bermakna pembayaran yang dilakukan oleh pekerja yang mana kemudiannya dibayar ganti oleh majikan adalah dikenakan cukai dan tertakluk kepada PCB.

Bayaran ganti (reimbursement) perlu dikenal pasti terlebih dahulu samada ianya dikenakan cukai atau dikecualikan daripada cukai.

S61: Di dalam Jadual Potongan Cukai Bulanan, potongan anak maksimum hanya seramai 20 orang. Bagaimana sekiranya bilangan anak melebihi daripada 20 orang?

J61: Majikan perlu menggunakan formula PCB untuk mengambilkira potongan anak atau menggunakan Kalkulator PCB bagi mendapatkan amaun PCB.

S62: Majikan membuat bayaran bagi Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP). Adakah PCB dikenakan dan bagaimana caranya?

J62: Majikan hendaklah memastikan bahawa cukai yang dikenakan ke atas manfaat yang terbit daripada SOSP dipotong PCB dalam bulan opsyen dilaksanakan. Jika pekerja memilih untuk membayar cukai tersebut secara ansuran melalui Skim Potongan Cukai Bulanan, majikan hendaklah membuat potongan cukai daripada saraan pekerja tersebut setiap bulan (selama 12 bulan maksimum) bermula daripada bulan opsyen tersebut dilaksanakan.

Dalam kes di mana pekerja memilih untuk membayar sendiri cukai pendapatan yang terbit daripada perkuisit ini pada penghujung tahun, majikan perlu memastikan supaya pilihan tersebut dibuat oleh pekerja secara bertulis.

Pengiraan PCB dibuat dengan menggunakan formula saraan tambahan.

S63: Adakah potongan SOCSO dibenarkan dalam mengira potongan PCB?

J63: Tidak.

S64: Encik A tidak mempunyai nombor cukai pendapatan dan saraan bulanan beliau tidak layak dikenakan PCB. Dalam bulan Jun 2010 beliau menerima bonus dan saraan beliau layak PCB pada bulan tersebut.

Adakah majikan perlu memotong PCB daripada saraan beliau walaupun beliau tidak mempunyai nombor rujukan cukai pendapatan?

J64: Majikan perlu memotong dan meremitkan bayaran PCB pekerja tersebut kepada LHDNM.

Nombor rujukan cukai pendapatan pekerja tersebut akan didaftarkan secara automatik oleh sistem LHDNM jika beliau adalah pekerja tempatan dan

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

maklumat yang diberi oleh majikan adalah lengkap iaitu nama, nombor kad pengenalan lama dan baru. Walaubagaimanapun, pekerja digalakkan mendaftar fail cukai pendapatan terlebih dahulu sebelum bayaran PCB dibuat.

Bagi pekerja asing, LHDNM akan mengeluarkan surat pengesahan kepada majikan untuk mendapatkan butiran lengkap pekerja asing tersebut untuk membolehkan pendaftaran fail dibuat ke atas pekerja tersebut. Surat makluman pendaftaran fail akan dikeluarkan kepada majikan untuk membolehkan majikan menggunakan nombor rujukan cukai pendapatan yang betul pada masa akan datang.

S65: Adakah majikan masih perlu memotong PCB sekiranya pekerja mempunyai potongan ansuran CP500 setiap bulan?

J65: Ya. PCB adalah potongan daripada penggajian manakala ansuran CP500 adalah bayaran ansuran untuk pendapatan selain daripada penggajian.

S66: Bagaimanakah pengiraan PCB bagi pekerja yang tidak bermastautin?

J66: PCB bagi seorang pekerja yang tidak bermastautin atau tidak dipastikan taraf mastautinnya di Malaysia, adalah pada kadar tetap maksimum pada tahun tersebut (tahun 2010 - 26%) daripada saraannya.

S67: Jika pekerja bekerja dengan dua atau lebih majikan, adakah PCB perlu dipotong mengikut majikan?

J67: Ya, pekerja yang bekerja dengan dua atau lebih majikan, PCB perlu dipotong secara berasingan.

S68: Jika majikan menggunakan formula pengiraan PCB, amaun akhir PCB yang dikira ada nilai sen. Perlukah majikan mengenakan amaun PCB itu ataupun membuat bayaran seperti yg dikira?

J68: Majikan perlu membayar mengikut nilai sebenar yang telah dikira oleh sistem termasuk nilai sen.

S69: Kenapa terdapat perbezaan amaun PCB yang dikira menggunakan jadual dan menggunakan formula?

J69: Pengiraan PCB dalam jadual berdasarkan amaun pertengahan saraan dalam banjaran saraan berkenaan. Manakala formula mengambil kira amaun saraan sebenar yang diterima oleh pekerja.

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

S70: Apakah kesannya jika majikan menghadkan potongan KWSP pekerja kepada RM500 sebulan dalam formula kaedah pengiraan berkomputer walaupun caruman KWSP pekerja adalah melebihi amaun berkenaan?

J70: Jika pekerja tidak pernah bekerja dalam tahun semasa, maka potongan had KWSP RM500 sebulan dalam formula kaedah pengiraan berkomputer untuk pengiraan PCB adalah kurang tepat.

Contoh :

Caruman Sebenar KWSP	Caruman KWSP yang Diambil Kira (Jika Terhad)	Bulan Bekerja (Mula/Berhenti)	Jumlah Caruman KWSP	Jika Dihadkan RM500	Jumlah KWSP yang Kurang Tuntut
RM1,200	RM500	12	RM14,400	RM6,000	-
RM1,200	RM500	5	RM6,000	RM2,500	RM4,500
RM1,200	RM500	4	RM4,800	RM2,000	RM1,800

BAHAGIAN 4

Pengemukakan Dan Pembayaran PCB

S71: Apakah sistem yang telah dibangunkan oleh LHDNM untuk mengemukakan data dan membayar PCB 2010?

J71: Sistem e-PCB telah dibangunkan untuk mengemukakan data dan membayar PCB 2010 dalam talian.

Manakala sistem e-Data PCB dibangunkan untuk mengemukakan data PCB 2010 dalam talian.

S72: Adakah borang CP39 sedia ada masih digunakan untuk membuat bayaran PCB?

J72: Ya, bayaran PCB masih menggunakan borang CP39 sedia ada.

S73: Adakah pekerja dibenarkan untuk mencetak pengiraan amaun PCB dari kalkulator PCB dan membuat bayaran tanpa melalui majikan?

J73: Pekerja dibenarkan untuk mencetak pengiraan amaun PCB dari kalkulator PCB untuk disimpan. Walau bagaimanapun, pekerja tidak dibenarkan membuat bayaran PCB kerana majikan yang bertanggungjawab untuk membuat bayaran PCB mengikut Kaedah 3 di dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan).

SOALAN DAN CADANGAN JAWAPAN

S74: Adakah Sistem e-PCB atau e-Data PCB hanya tertakluk kepada majikan swasta selain majikan kerajaan?

J74: Tidak, kaedah bayaran PCB ini terbuka kepada semua majikan sama ada kerajaan atau swasta.

S75: Apakah perbezaan bayaran PCB dan potongan CP38?

J75: Perbezaan seperti berikut:

PCB	CP38
– Potongan bulanan untuk anggaran cukai tahun semasa	– Ansuran baki cukai tertunggak
– Dipotong setiap bulan	– Mengikut tempoh tertentu yang diarahkan
– Pengiraan mengikut jadual atau formula yang ditetapkan	– Mengikut amaun yang seperti diarahkan

S76: Apakah PCB perlu dipotong sekiranya majikan mendapat arahan potongan CP38?

J76: Ya.

S77: Bila tarikh akhir bayaran CP38?

J77: Tarikh akhir bayaran CP38 perlu dikemukakan kepada LHDNM adalah sama seperti bayaran PCB iaitu pada atau 10hb bulan berikutnya.

S78: Adakah bayaran PCB dan CP38 perlu menggunakan borang CP39 yang berlainan?

J78: Majikan hanya perlu menggunakan satu borang yang sama tetapi hendaklah mengasingkan jumlah bayaran berkaitan di ruangan PCB dan CP38 yang disediakan.

S79: PCB bagi bonus tahun 2009 yang dibayar pada Jan 2010 akan dikira pada bulan ia dibayar. Apakah borang yang akan digunakan semasa pengemukaan untuk bayaran PCB berkenaan?

J79: Majikan hanya perlu menggunakan borang CP39 sahaja. Selaras dengan Bajet 2009, bonus tahun kebelakangan yang dibayar pada tahun 2010 akan dikira sebagai pendapatan tahun 2010. Oleh itu, PCB bonus berkenaan akan dikira pada bulan ia dibayar dan dijumlah bersama dengan PCB atas saraan biasa pada bulan Jan 2010.